



MODUL 1
PECUTAN AKHIR SPM 2019
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

**PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 2**

(1223/2)

فندیدیقن إسلام

PERATURAN PEMARKAHAN

PERATURAN PEMARKAHAN

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Dua contoh perbuatan syirik jali:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyembah berhala atau patung 2. Menyembah bulan atau matahari 3. Mengaku nabi Isa a.s. anak tuhan 4. Semua contoh amalan khurafat (buang ancak, mandi safar, mandi bunga untuk dapat jodoh atau buang sial) 5. Semua contoh amalan sihir (pukau, santau, susuk puja syaitan seperti amlam black metal) <p>Catatan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Contoh amalan khurafat dan amalan sihir dikira satu isi sahaja. 2. Jawapan mesti dimulakan dengan 'me, mem, men atau ber' untuk menunjukkan perbuatan 	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua sebab perbuatan syirik mesti dijauhi :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebabkan iman / akidah terbatal/ rosak iman 2. Menyebabkan ekonomi umat Islam mundur 3. Menyebabkan hidup tidak harmoni/ dibenci oleh masyarakat/negara tidak aman 4. Menyebabkan berlaku pergaduhan <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan munasabah diterima. 	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p>Dua perbuatan yang boleh memecah belahan umat Islam :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dengki-mendengki 2. Tipu-menipu 3. Benci-membenci 4. Berpaling muka / sompong 5. Jual beli atas jualan orang lain 6. Menzaliminya 7. Mengecewakannya 8. Membohonginya 9. Menghinanya 10. Berbunuhan sesama orang Islam 11. Menceroboh harta orang lain 	2 isi x 1m = 2m

			12. Mencabul kehormatan orang lain	
		(ii)	<p>Dua kesan perpaduan terhadap masyarakat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan masyarakat yang harmoni/ dihormati/ disegani 2. Banyak aktiviti / perancangan dapat dilaksanakan/Memudahkan pembangunan dilaksanakan 3. Melahirkan masyarakat yang mempunyai sifat tolong-menolong <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan munasabah diterima 	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	<p>KBAT Sesebuah negara akan mundur apabila perpaduan ummah diabaikan. Huraikan hujah anda.</p> <p>Menyebabkan sukar untuk melaksanakan sesuatu perancangan kemajuan (isi=1m). Hal ini kerana masing-masing bergaduh ataupun bertindak mementingkan diri sendiri (H=1m). Kesannya perancangan tersebut gagal (HL=1m). Kesimpulannya kita hendaklah bersatupadu bagi menjayakan sesuatu program agar ia dapat dilaklasanakan dengan jayanya (K=1m).</p> <p>Cadangan isi :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berselisih pendapat untuk melaksanakan sesuatu 2. Tidak bersatu hati 	4m Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(c)	Susun ayat 3, 4, 2,1		4m
2	(a)	(i)	<p>Maksud ilmu Fardu Ain ialah :</p> <p>Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam bagi menyempurnakan kehidupan di dunia dan agamanya.</p>	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Hikmah menguasai ilmu Fardu Ain kepada pelajar :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar dapat melakukan ibadah dengan sempurna. 2. Pelajar dapat membezakan di antara perkara yang baik dan yang buruk. 3. Memudah pelajar menerima dan menguasai ilmu pengetahuan. <p>Catatan :</p>	1 isi x 2m = 2m

		<ul style="list-style-type: none"> • Jawapan munasabah diterima 	
	(iii)	<p>Dua pengajaran daripada ayat di atas :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah berusaha mendapatkan hidayah Allah SWT (1m) dengan membanyakkan ibadat sunat(1m) 2. Kita hendaklah menuntut ilmu (1m) agar dapat membezakan perkara yang benar dengan yang salah (1m) 3. Kita wajib menguasai ilmu fardu ain / fardu kifayah (1m) agar berjaya di dunia dan akhirat(1m) 4. Kita wajib beramal dengan ilmu yang kita pelajari (1m) supaya dipandang mulia / dihormati masyarakat (1m) 5. Kita hendaklah membaca al-Quran (1m) supaya hidup tenang (1m) 	2 isi x2m = 4m I = 1m H = 1m
	(b)	<p>Dua ciri makanan atau minuman haram :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat dalil pengharaman dalam al-Quran 2. Makanan/minuman yang memabukkan. 3. Makanan/minuman yang bercampur dengan benda-benda yang haram. 4. Haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak. 5. Makanan/minuman yang memudhararatkan kesihatan. 6. Makanan/minuman daripada sumber yang haram. 	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	<p>Situasi yang mengharuskan memakan makanan yang haram :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak ada makanan lain selain yang haram sahaja. 2. Makan sekadar untuk menyelamatkan nyawa. 3. Makan bukan tujuan untuk mengenyangkan. 	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	<p>Dua sebab Islam melarang memakan makanan yang haram :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebabkan kesihatan tubuh badan terjejas (1m) /kerana makan makanan yang tidak berkhasiat. (1m) 2. Menghilangkan kewarasan akal (1m) /kerana minum minuman yang memabukkan. (1m) 3. Menyebabkan ibadat tidak diterima oleh Allah SWT (1m) /kerana melanggar perintahNya. (1m) 	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m
	(c)	<p>(i) C (ii) A (iii) E (iv) B</p>	1m 1m 1m 1m

3	(a)	(i)	<p>Amalan yang sunat dilakukan apabila membaca atau mendengar ayat 15 – 16 di atas ialah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sujud tilawah / sajadah <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sujud 1m 	2 isi x1m =2m
		(ii)	<p>Dua implikasi terhadap masyarakat yang mengabaikan amalan infak ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjauhkan masyarakat daripada sifat tolong menolong. 2. Ekonomi masyarakat tidak akan mantap/stabil/mundur. 3. Melahirkan jurang dalam masyarakat antara yang kaya dan yang miskin. 4. Kehidupan masyarakat tidak harmoni. 5. Masyarakat dipandang hina oleh masyarakat lain. 6. Masyarakat tidak akan diberkati Allah SWT. 	2 isi x 2m=2m
		(iii)	<p>KBAT</p> <p>Pelajar yang menghayati ayat ini akan berjaya di dunia dan akhirat (1m-ISI). Hal ini kerana mereka sentiasa berzikir mengingati Allah SWT walau di mana sahaja mereka berada (1m-H). Kesannya segala urusan mereka akan dipermudahkan oleh Allah (1m-HL). Kesimpulannya pelajar hendaklah sentiasa mendalami ayat-ayat al-Quran supaya mendorong mereka menjadi hamba yang direhái Allah SWT (1m-K).</p> <p>Isi cadangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berjaya di dunia dan akhirat 2. Hidup di rahmati / diberkati 3. Dihormati / disayangi 	4m Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	(i)	<p>Dua janji Allah SWT kepada orang yang menjadi kekasihNya ialah:</p> <p>Janji Allah terhadap hamba yang mendekatkan diri kepadaNya seperti yang disebut dalam hadis ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Allah SWT memelihara pendengarannya daripada mendengar perkara yang lagha. 2. Allah SWT memelihara penglihatannya daripada melihat perkara maksiat. 3. Allah SWT menjaga tangannya daripada mencuri. 4. Allah SWT menjaga kakinya daripada pergi ke tempat-tempat maksiat. 5. Allah SWT memakbulkan doanya apabila beliau berdoa. 6. Allah SWT melindunginya daripada keburukan / musibah. <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan mengikut isi kandungan hadis. 	2 isi x 1m = 2m

		(ii)	<p>Dua cara pelajar mendekatkan diri kepada Allah SWT. ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar mestilah menunaikan perintah Allah dengan sempurna. 2. Pelajar hendaklah membanyakkan amalan sunat. 3. Pelajar perlulah berdamping dengan alim ulamak 4. Pelajar mestilah menghadiri majlis ilmu 5. Pelajar hendaklah sentiasa membaca al-Quran <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan munasabah diterima 	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	<p>KBAT</p> <p>Saya akan menjadikan kata-kata hukamak ini sebagai pendorong untuk saya bekerja bersungguh-sungguh mencari keperluan hidup tanpa melupakan amalan untuk bekalan akhirat (1m-ISI). Contohnya ketika bekerja saya akan menunaikan solat lima waktu apabila masuk waktunya (1m-H). Hal ini menjadikan kehidupan saya lebih tenang dan pekerjaan saya akan teratur (1m-HL). Kesimpulannya kita hendaklah melaksanakan perintah Allah walaupun kita sedang bekerja supaya hidup diredhai oleh Allah SWT (1m-K).</p> <p>Isi cadangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjadikan kata-kata hukamak sebagai pendorong mencari kesenangan di dunia di samping mencari keredhaan Allah SWT. 2. Menjadikan kata-kata hukamak sebagai pembakar semangat untuk bersungguh-sungguh berkerja dan beribadat. 3. Saya akan bekerja untuk dunia tanpa melupakan tanggungjawab mencari bekalan akhirat. 	4m Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
4	(a)	(i)	<p>Dua golongan yang mempersendakan agama :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Fasik 2. ‘Asi 3. Munafik 4. Musyrik 5. Murtad 	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua faktor remaja melakukan perbuatan mempersendakan agama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Terpengaruh dengan keseronokan dunia semata-mata 2. Keimanan yang kurang 3. Terpengaruh dengan hawa nafsu 4. Tidak takut dengan balasan Allah SWT <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan munasabah diterima 	2 isi x 2m = 4m

		(iii)	Dua pengajaran ayat : 1. Kita dituntut menjaga kesucian agama Islam(1m)supaya dipandang mulia (1m) 2. Janganlah kita mempersendakan agama(1m)kerana ia boleh memesongkan akidah/membatalkan akidah(1m) 3. Kita hendaklah menjauhi perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah agama(1m)supaya diberkati oleh Allah(1m). 4. Kita hendaklah berakhlaq mulia(1m)supaya dapat menarik orang lain untuk mendekati Islam(1m).	2isi x 2m = 4m I = 1m H = 1m
	(b)	(i) (ii) (iii) (iv)	B A B A	1m 1m 1m 1m
	(c)	Menjawikan :	رعاية يع برعلمو دان براخلاق موليا مروقاكن فرا شرط قمبيناں کما جوان دسسیبواه نکارا. اولیه ایت کیت هندقله مغہیندری درقد عنصور ۲ نیکاتیف یع بولیه مغکوکت کامانن دان کستایبلن نکارا. Catatan : <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mesti menulis melebihi separuh daripada perkataan yang telah ditetapkan (14 perkataan dan lebih) • Markah tidak boleh diberi kepada pelajar yang menulis kurang daripada 14 perkataan. • 1M akan diberi kepada pelajar yang menulis 14 perkataan atau lebih, walaupun kesemua perkataan yang ditulis itu tidak betul. <input type="checkbox"/> 	6m 1-5 = 1m 6-10 = 2m 11-15 = 3m 16-20 = 4m 21-25 = 5m 26-28 = 6m
5	(a)	(i)	Dua nama Allah yang terdapat dalam ayat di atas : 1. al-Rahman 2. al-Rahim 3. al-Malik 4. al-Quddus 5. al-Salam 6. al-Mukmin 7. al-Muhaimin 8. al-Aziz 9. al-Jabbar 10. al-Mutakabbir	2 isi x 1m = 2m

		<p>(ii) Dua tanda kepatuhan semua makhluk terhadap Allah SWT :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa bertasbih kepada Allah/ berzikir 2. Sentiasa tunduk/patuhan kepada perintah Allah/ bersujud 3. Sentiasa mengikut ketentuan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT/ ikut sunnatullah. 	2 isi x 2m = 4m												
		<p>(iii) Dua kelebihan berzikir dengan nama-nama Allah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hati menjadi tenang kerana sentiasa mengingati Allah. 2. Kehidupan akan bahagia kerana disayangi Allah. 3. Membolehkan kita berdoa mengikut kesesuaian nama-nama Allah kerana memahami maksudnya. 4. Dapat menyembuhkan penyakit kerana al-Quran adalah penawar. 5. Dapat menambah pahala dan keberkatan kerana sentiasa membacanya. 	2 isi x 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m												
	(b)	<p>TAJWID :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th><th>KALIMAH</th><th>CARA BACAAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td> $\text{أَلَمْ يَرَوْا \square مَكْنَثُهُمْ فِي \square لَمْ نُمِكِّن}$ $\text{لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا \square تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ}$ $\text{بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا \square بَعْدِهِمْ قَرْنًا}$ </td><td>Terang dan jelas</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>$\text{قَبْلَهُمْ مِّن \square عَلَيْهِمْ مِّدْرَارًا}$</td><td>Dengung</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>$\text{فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ}$</td><td>Dengung</td></tr> </tbody> </table>	BIL	KALIMAH	CARA BACAAN	1.	$\text{أَلَمْ يَرَوْا \square مَكْنَثُهُمْ فِي \square لَمْ نُمِكِّن}$ $\text{لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا \square تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ}$ $\text{بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا \square بَعْدِهِمْ قَرْنًا}$	Terang dan jelas	2.	$\text{قَبْلَهُمْ مِّن \square عَلَيْهِمْ مِّدْرَارًا}$	Dengung	3.	$\text{فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ}$	Dengung	6m Kalimah = 1m Cara baca = 1m
BIL	KALIMAH	CARA BACAAN													
1.	$\text{أَلَمْ يَرَوْا \square مَكْنَثُهُمْ فِي \square لَمْ نُمِكِّن}$ $\text{لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا \square تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ}$ $\text{بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا \square بَعْدِهِمْ قَرْنًا}$	Terang dan jelas													
2.	$\text{قَبْلَهُمْ مِّن \square عَلَيْهِمْ مِّدْرَارًا}$	Dengung													
3.	$\text{فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ}$	Dengung													
	(c)	<p>Merumikan</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Usaha dakwah hendaklah dilaksanakan melalui cara yang betul dan berhikmah.</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Makanan dan minuman kita mesti dari sumber yang halal.</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Setiap hendaklah menjaga anggota badan dengan baik</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Alam sekitar ialah antara tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah</td></tr> </tbody> </table> <p>Catatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesalahan lebih daripada separuh petikan = 0m • Tulisan singkatan tidak diterima (yg., dr.) 	1	Usaha dakwah hendaklah dilaksanakan melalui cara yang betul dan berhikmah.	2	Makanan dan minuman kita mesti dari sumber yang halal.	3	Setiap hendaklah menjaga anggota badan dengan baik	4	Alam sekitar ialah antara tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah	4 isi x 1m = 4m				
1	Usaha dakwah hendaklah dilaksanakan melalui cara yang betul dan berhikmah.														
2	Makanan dan minuman kita mesti dari sumber yang halal.														
3	Setiap hendaklah menjaga anggota badan dengan baik														
4	Alam sekitar ialah antara tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah														

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT